



DR Aini (tengah) beramah mesra dengan graduan ketika sidang media Majlis Konvokesyen Ke-43 UPM di Galeri Putra, Bangunan Canselori Putra, Universiti Putra Malaysia, Serdang, semalam.

# 4 hari konvokesyen

6,015 graduan UPM terima ijazah, diploma pada majlis ke-43

Oleh Mohamad Hussin  
mohamad\_hussin@hmetro.com.my

## Serdang

Seramai 6,015 graduan Universiti Putra Malaysia (UPM) menerima ijazah dan diploma masing-masing sempena Majlis Konvokesyen ke-43 yang berlangsung di Dewan Besar Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PKKSSA-AS) mulai Sabtu ini hingga 19 November.

Naib Canselor UPM, Prof Datuk Dr Aini Ideris berkata, jumlah itu membabitkan penerima ijazah doktor falsafah (PhD) seramai 632 graduan, sarjana (1,554), bachelor (3,337) dan diploma (492).

Beliau berkata, Canselor

UPM, Sultan Sharafuddin Idris Shah akan mengurniakan PhD, sarjana, bachelor dan diploma kepada graduan pada hari pertama konvokesyen, Sabtu ini.

“UPM berbesar hati mengurniakan Ijazah Kehormat Doktor Pengurusan kepada Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan AirAsia, Tan Sri Tony Fernandes pada sesi pertama atas sumbangan beliau kepada universiti ini.

“Penerima anugerah gelaran Profesor Emeritus dikurniakan kepada Tan Sri Dr Nik Mustapha Raja Abdullah (calon Fakulti Ekonomi dan Pengurusan) serta Datuk Dr Mohd

Sham Kasim (calon Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan) pada sesi pertama.

“Selain itu, Prof Datuk Dr Ahmad Zubaidi Baharumsyah (calon Fakulti Ekonomi dan Pengurusan), Prof Dr Maimunah Ismail (calon Fakulti Pengajian Pendidikan) serta Prof Ir Dr Wan Ishak Wan Ismail (calon Fakulti Kejuruteraan) pada sesi ketiga,” katanya pada Majlis Konvokesyen ke-43 UPM di sini, semalam.

Aini berkata, Sultan Sharafuddin juga berkenan mengurniakan Hadiah Pingat

Emas Canselor kepada Aida Fitri Peli (Bacelor Kejuruteraan Kimia) dari Fakulti Kejuruteraan dan Anu-

gerah Pelajaran Diraja (Bumiputera) kepada Nor Elina Che Hashim (Bacelor Sains Pembangunan Manusia) dari Fakulti Ekologi Manusia.

“Anugerah Pelajaran Diraja (bukan Bumiputera) kepada Tey Wan Jin (Bacelor Sains Biologi) dari Fakulti Sains manakala Pingat Emas Alumni kepada Raja Aiman Hakim Raja Mahmood (program Doktor Perubatan Veterinar) dari Fakulti Perubatan Veterinar,” katanya.

Menurutnya, UPM turut memperkenalkan anugerah baharu iaitu Anugerah Tun Abdul Razak kepada Thireysinie Tamil Chelvam (Bacelor Sains) dan Pingat Emas BasNet Doktor Falsafah kepada Dr Muhammad Najib Samad (PhD Ekonomi Perniagaan).

**UPM perkenal  
anugerah baharu  
iaitu Anugerah Tun  
Abdul Razak**